

Headline	Juara qari, qariah dapat hadiah kereta		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	17 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	21	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	320 cm ²
Journalist	Mohamad Zulfaizan Mansor	AdValue	RM 10,988
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,964



TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN KE-57

Juara qari, qariah dapat hadiah kereta

» *Harap mampu tarik minat golongan remaja dalam al-Quran*

Oleh **Mohamad Zulfaizan Mansor**

► **Kuala Lumpur**

Juara qari dan qariah Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan ke-57 menerima kereta Proton Preve masing-masing daripada Lembaga Tabung Haji (TH), semalam.

Majlis penyampaian kepada Ahmad Tirmizi Ali, 29, dan Hanimzah Jalaluddin, 32, disempurnakan oleh Pengerusi TH, Datuk Seri Abdul Azeez Abd Rahim.

Hanimzah yang mewakili Pahang berkata, Proton Preve itu adalah hadiah kedua baginya selepas menerima kenderaan model sama apabila muncul johan qariah Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan tahun lalu.

"Pencapaian ini mendorong saya untuk berusaha melangkah ke peringkat lebih tinggi dalam tilawah al-Quran.

"Saya harap kejayaan ini turut

menarik minat golongan remaja mendalami kaedah membaca al-Quran dengan betul," katanya ketika ditemui selepas majlis itu.

Ahmad Tirmizi yang mewakili Terengganu, bersyukur dengan kejayaan yang membolehkannya membawa pulang sebuah kereta.

"Pengiktirafan ini menguatkan semangat saya untuk mengharumkan nama negara dalam Tilawah al-Quran peringkat antarabangsa ke-56 yang bermula malam ini (tadi)," katanya.

Sementara itu, Abdul Azeez berkata, pembabitan TH sebagai penaja hadiah dengan kos RM124,000 itu adalah sejajar aspirasi menyemarakkan syiar Islam di negara ini.

"Penajaan ini diharap menarik lebih banyak pihak untuk tampil menyokong usaha murni kerajaan menyebarkan syiar Islam," katanya.



Abdul Azeez (kanan) bersama Hanimzah turut serta Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Tan Sri Isme Ismail (kiri) dan Ahmad Tirmizi pada majlis penyampaian kereta kepada Johan Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan. [FOTO AZMAIDI ABIDIN/BH]